



Mandat Kami

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM).¹ Mandat PIDM diperuntukkan di bawah Seksyen 4 Akta PIDM.



PIDM merupakan antara peserta jaring keselamatan kewangan Malaysia bersama-sama Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia (BNM). Peserta jaring keselamatan kewangan masing-masing mempunyai tanggungjawab yang saling melengkapi bagi memastikan kestabilan sistem kewangan Malaysia.



¹ Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (sebagaimana dipinda oleh Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011)